



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 16 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• DENDA PENGURUSAN GAGAL BUAT AGM

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• TAMAN PELIHARA EKOSISTEM TAMAN KOMUNITI PUTRA HEIGHTS DIBINA KHAS UNTUK KEMUDAHAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT, DIKTIRAF IUCN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBSA MBDK MPKS	• MBSA MENANG ANUGERAH DUA TAHUN BERTURUT JIMAT KOS ELEKTRIK RM2.3 JUTA • LANTIK AHLI MAJLIS KALANGAN PROFESIONAL • MOHON BAZAR NIAGA HINGGA 20 FEBRUARI
2.	THE STAR	MBSA DBKL	• TOWED CAR SPARKS QUESTIONS ABOUT CITY DEVELOPMENT • FREE COURSES BY MBSA • DBKL COUNTER CLOSED • FED UP WITH DELAYED SEGAMBUT ROAD UPGRADED

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• USAHA JADI DESTINASI PELABURAN UTAMA • TAMAN AERO, BANTU LONJAK EKONOMI • RUMAH KAMPUNG TIDAK KENA CUKAI • GALAK PENJAWAT AWAM DAFTAR PADU • PERKASA KHIDMAT VAN TRANSIT
2.	THE STAR	• SLASHING GROCERY COSTS FOR LOCALS • SELANGOR SULTAN'S DECREE WILL COOL MATTERS, SAYS PM
3.	SINAR HARIAN	• PROGRAM BASMI KEMISKINAN DI 3 NEGERI CAPAI 100%
4.	HARIAN METRO	• RUMAH DEKAT, DUDUK KUATERS • MALAYSIA SEDIA PERKASA TEKNOLOGI AI DALAM KERJAYA MASA DEPAN
5.	BERITA HARIAN	• UBAH SKIM PENCEN, TINGKAT KUALITI PENJAWAT AWAM
6.	UTUSAN MALAYSIA	• KADAR KELAHIRAN TERENDAH 5 DEKAD
7.	THE SUN	• SELANGOR: RM41.56b MANUFACTURING, SERVICES INVESTMENTS IN JAN-SEPT 2023 • SELANGOR TO HOST CNY EVENT ON FEB 24

Denda pengurusan gagal buat AGM

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengenakan tiga kompaun ke atas pengurusan bangunan Main Place, USJ 21 kerana gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan mengikut tempoh.

Datuk bandar Subang Jaya menjelaskan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) mendapati pengurusan pangsapuri servis itu gagal mengadakan mesyuarat sedemikian pada 2021 dan 2023.

Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata kompaun itu selaras Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang memaktubkan AGM perlu diadakan setahun sekali, tidak lebih daripada 15 bulan.

"Badan pengurusan bersama (JMB) Main Place turut dikompaun atas kegagalan memfailkan bon kepada COB kerana melantik pengurus harta tidak berdaftar antara 2017 hingga 2019," katanya.

Beliau menambah kompaun RM25,000 bagi setiap kesalahan dikeluarkan selaras Subperaturan 21(5) Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Akta 757.

Mohd Fauzi menasihati semua pengurusan bangunan di Subang Jaya melaksanakan kewajipan menepati akta berkenaan atau berdepan tindakan.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

MBSA menang anugerah dua tahun berturut

Jimat kos elektrik RM2.3 juta

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA LUMPUR - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sekali lagi diiktiraf sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) paling giat menjalankan pelaksanaan inisiatif rendah karbon.

Ketua Jabatan Perancangan Bandar MBSA berka-ta penerimaan anugerah dua tahun berturut-turut itu hasil kesungguhan pemilik bangunan dalam penjimatan elektrik dan pengurusan air berhemah.

"Bangunan MBSA dijadikan contoh untuk mencapai taraf bandar rendah karbon dengan memasang alat meter pintar hingga menjimatkan elektrik RM2.3 juta pada tahun lalu.

"MBSA turut melaksanakan sistem

pengumpulan air hujan untuk aktiviti seperti menyiram pokok bagi menjimatkan penggunaan air," kata Aniza Osman.

Pengiktirafan sempena Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 disampaikan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad pada 7 Februari.

MBSA turut menerima 23 Anugerah Perkhidmatan Diamond bagi cabaran rendah karbon dan satu Sijil Provisional atas pembangunan pelan tindakan rendah karbon dalam kawasan zon.

Turut menerima anugerah, Majlis Bandaraya Diraja Klang (16 Anugerah Diamond, satu Sijil Provisional) manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (tiga Anugerah Diamond, tiga Sijil Provisional).

Majlis Perbandaran Ampang Jaya pula meraih tiga Anugerah Diamond dan satu

Sijil Provisional, sementara Majlis Perbandaran Kuala Langat membawa pulang dua Anugerah Diamond.

Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Bandaraya Subang Jaya pula masing-masing menerima satu Anugerah Diamond.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menggalakkan peniaga bazar Ramadan supaya terus menjalankan kegiatan moreh pada tahun ini.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon menjelaskan program yang memasuki tahun kedua itu bertujuan mengelak pembaziran makanan selain mendidik peniaga untuk bersedekah.

"Sambutan tahun lalu menggalakkan apabila hampir 100 peniaga sertai moreh manakala bagi 2024 setakat ini kita menerima pendaftaran lebih 300 peniaga yang berminat," katanya.



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

Lantik ahli majlis kalangan profesional

SABAK BERNAM - Ahli Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang akan dilantik mempunyai kelayakan profesional dengan pendidikan minimum diploma atau lebih tinggi.

Dato' Menteri Besar berkata ia selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menyarankan ahli majlis pihak berkuasa tempatan itu turut dianggotai golongan profesional, bukan ahli politik semata.

"(Kekosongan) yang ada akan diisi segera. Sebab kita cuba memenuhi pandangan dan titah Tuanku (Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj) agar menempatkan sekurang-kurangnya 50 peratus (kuota keseluruhan ahli majlis diisi golongan profesional)," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Februari.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

Mohon bazar niaga hingga 20 Februari

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) membuka permohonan permit baki petak bazar Ramadan dan Aidilfitri sehingga 20 Februari.

MPKS menerusi Facebook memaklumkan baki 206 petak bazar Ramadan dan 124 petak bazar Aidilfitri boleh dimohon secara dalam talian menerusi pautan ip3ks.mpks.gov.my

Menurutnya, tapak perniagaan bazar Ramadan berharga RM300 manakala RM150 bagi bazar Aidilfitri di hadapan Pasar Awam Sungai Buloh (7 April-9 April) dan RM400 di Jalan KP/1, Tanjung Karang.

"Pemohon hendaklah bebas daripada sebarang kompaun MPKS, melampirkan dokumen sokongan diperlukan serta mendaftar dengan aplikasi perniagaan dalam talian Platform Selangor (PLATS)," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

Usaha jadi destinasi pelaburan utama

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tekad mengangkat potensi ekonomi sekali gus menjadikan Selangor destinasi pelaburan utama di Malaysia dan Asia Tenggara.

Dato' Menteri Besar berkata tumpuan penggal ini turut diberi kepada industri baharu seperti kecerdasan buatan (AI) bagi mengoptimumkan industri pembuatan dan berteknologi tinggi.

"Tahun ini saya akan membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama merangkumi usaha-usaha ini selain menekankan kepentingan kualiti perkhidmatan pihak berkuasa tempatan terus diperbaiki demi kesejahteraan rakyat.

"Selangor akan memberikan penekanan bukan sahaja kepada pembangunan infrastruktur baharu tetapi meningkatkan kualiti penyelenggaraan infrastruktur yang telahpun dibina," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 9 Februari.

Menurutnya, pengukuhan program kebajikan rakyat juga diteruskan termasuklah meningkatkan jumlah pelajar program tuisyen percuma dan nilai baucar Jom Shopping Perayaan.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

Taman aero, bantu lonjak ekonomi

SHAH ALAM - Ekonomi Selangor berada dalam landasan tepat dan dijangka terus meningkat hasil pelaksanaan berterusan program Kerajaan Negeri, kata EXCO pelaburan.

Menurut Ng Sze Han, usaha dibuat termasuk perkhidmatan van transit atas permintaan dan pembangunan Taman Aero Selangor (SAP) melibatkan tanah seluas 2,000 ekar di Sepang.

Beliau menjelaskan beberapa program dibangunkan Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) turut menjamin peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

"Dengan menghubungkan tiga elemen utama ini, ekonomi Selangor akan dipandu ke arah yang tepat dan lebih baik," katanya sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Rumah kampung tidak kena cukai

SHAH ALAM - Pemilik rumah kampung di luar kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dikenakan cukai taksiran, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menolak dakwaan kononnya rumah kampung dikenakan cukai itu, beliau menjelaskan kediaman sedemikian sebahagian besarnya di Sabak Bernam, Tanjong Karang dan Kuala Selangor.

Katanya, sebahagian lagi terletak di Kuala Langat, Hulu Langat, Hulu Sela-

ngor dan Gombak termasuk Kampung Orang Asli di Ulu Batu yang tidak termasuk dalam mana-mana wilayah PBT.

"Ini bermakna semua rumah kampung tidak dikenakan cukai taksiran atau cukai pintu. Berita kononnya semua rumah kampung dikenakan cukai tidak betul," katanya pada 7 Februari.

Menjelaskan manfaat sama turut dinikmati pemilik rumah kos rendah seperti sebelum ini, beliau berkata pihaknya giat membuat pemetaan untuk

memberi pengecualian kepada pemilik yang layak.

"Kita dapati sebahagian daripada lokaliti dan pemilik hartanah di kampung mempunyai aset yang pelbagai seperti rumah sewa.

"Itu kegiatan perniagaan dan mereka ada kemampuan untuk membayar cukai terhadap premis yang diberi (sewa). Kalau rasa mereka ini (layak dapat pengecualian), boleh memohon," katanya.

Galak penjawat awam daftar Padu

SHAH ALAM - Lebih 27,000 penjawat awam Selangor digalak mendaftar dan mengemas kini maklumat masing-masing dalam Sistem Pangkalan Data Utama (Padu), kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perkara itu bertujuan memastikan penyaluran maklumat lebih tepat dalam proses pemberian bantuan dan program yang direncana kerajaan.

"Kita galakkan untuk semua terlibat sebab ia akan beri maklumat lebih tepat kepada proses pemberian subsidi dan perancangan program kerajaan," katanya pada 6 Februari.

Jabatan Perangkaan Selangor menerusi Facebook memaklumkan seramai 420,000 individu di Selangor mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam sistem Padu setakat 5 Februari.

Sistem yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Januari mengandungi profil penduduk untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar secara bersasar.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 16 FEBRUARI 2024

Perkasa khidmat van transit

SHAH ALAM - Penambahbaikan sistem pengangkutan awam termasuk semakin terperinci laluan Bas Smart Selangor antara agenda utama pentadbiran negeri tahun ini, kata EXCO mobiliti.

Menurut Ng Sze Han, perkara lain yang diberi perhatian ialah memperkasa perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT), laluan pejalan kaki dan bas elektrik dalam bandar.

Beliau menjelaskan ketetapan itu dicapai menerusi Mesyuarat

Jawatankuasa Tetap dan Pemukiman Mobiliti Selangor 2024 yang turut menyentuh penubuhan Selangor Mobility Lab.

"Penambahbaikan sistem pengangkutan awam atau Mobiliti Selangor ini dengan hasrat mempercepat transisi penggunaan kenderaan peribadi kepada pengangkutan awam.

"Penubuhan makmal (pula) bagi perkongsian dan penganalisan data dengan penglibatan semua agensi. Kita juga membincangkan pelan induk

dan tindakan Mobiliti Selangor," katanya pada 7 Februari.

Sze Han menambah penarafan Klang sebagai bandar raya keempat melengkapkan jajaran Lembah Klang Raya, dengan separuh populasi menghuni kawasan itu.

Belanjawan 2024 memperuntuk RM2 juta bagi mewujudkan pentadbiran Lembah Klang Raya meliputi bandar raya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang melalui pengubalan enakmen.

TAMAN PELIHARA EKOSISTEM

Taman Komuniti Putra Heights dibina khas untuk kemudahan pelbagai lapisan masyarakat, diiktiraf IUCN



Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmalini@mediaprima.com.my

Sime Darby Property Berhad (Sime Darby Property) membuktikan komitmen syarikat itu kepada aspek biodiversiti bandar dengan membuka Taman Komuniti Putra Heights di Putra Heights, Selangor.

Taman seluas kira-kira 3.075 hektar itu disiapkan pada bulan lalu menandakan kejayaan syarikat dalam usaha penjagaan alam sekitar melalui pemeliharaan ekosistem.

Ia menempatkan sebanyak 442 pokok yang terdiri daripada 30 spesies yang pelbagai, separuh daripadanya merangkumi spesies tumbuhan terancam yang diiktiraf Kesatuan Antarabangsa untuk Pemeliharaan Alam Semula Jadi (IUCN).

Dibina dengan konsep inklusiviti, taman itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang sesuai dan selamat untuk kanak-kanak, warga emas serta golongan kurang upaya.

Ia termasuk laluan pejalan kaki mesra kerusi roda dengan panduan yang jelas.

Taman itu juga dilengkapi dengan lampu LED solar yang memanfaatkan sumber semula jadi untuk menjana tenaga.

Selain menikmati persekitaran yang tenang pengunjung juga boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga di taman berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Hartanah, Datuk Ir Mohd Sohimin Mohd Alayedini berkata, syarikat terbabit menekankan komitmen terhadap pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan komuniti mampan.

Kata beliau, sebagai Force for Good, Sime Darby Property turut mengutamakan aspek kemampanan dalam semua yang mereka lakukan.

Katanya, syarikat kekal komited dalam menjaga dan memulihara alam sekitar bermula dari pembangunan yang dilakukan.

"Dalam menyokong ikatan komuniti dan

'placemaking,' kami berusaha untuk memenuhi keperluan penduduk di kawasan perbandaran kami dengan menyediakan pembangunan dan kemudahan awam berkualiti tinggi.

"Pembinaan Taman Komuniti Putra Heights ini mengukuhkan matlamat syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada

Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet," katanya pada majlis pembukaan rasmi taman berkenaan, baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Kemuning, Preakas Sampunathan.

ASPEK biodiversiti bandar.



Bina kediaman berkonsepkan TOD



Susulan kejayaan projek sebelum ini, Setia Awan Group melancarkan pangsapuri perkhidmatan iaitu antara pilihan kediaman ideal untuk generasi muda.

Terletak di antara Jalan Ampang dan Jalan Jelatek, blok terakhir pangsapuri perkhidmatan Astrum Ampang itu dibangunkan dengan konsep pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Ketua Pegawai Operasinya, James Bruyns berkata, dengan kebolehcapaian yang disediakan penduduk dapat menikmati kemudahan ulang-alik ke fasiliti yang lain.

Selain itu, pelbagai kemudahan awam dan lokasi tumpuan di bandar semuanya dalam jangkauan.

"Projek pembangunan ini bakal menjadi tarikan bagi mereka yang mencari penyelesaian kediaman gaya hidup pintar.

"Ia akan menjadi lokasi ideal untuk penduduk terutamanya golongan pekerja muda yang dewasa dan boleh menikmati pengalaman perjalanan lancar dan selesa,

katanya.

Pemaju berkenaan juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MAPLEHOME sebagai pembekal perkhidmatan sewaan pendek bagi pangsapuri perkhidmatan di Menara M Astrum Ampang.

Dalam pada itu, pangsapuri perkhidmatan berkenaan mengintegrasikan pelbagai aspek gaya hidup bandar dengan 62 kemudahan premium termasuk ruang kerja bersama ('co-working'), pusat kecergasan seluas lebih daripada 5,000 kaki persegi, dapur gourmet, teater terbuka, kolam renang, gimnasium pintar, trek jogging, padang futsal, taman permainan kanak-kanak, pavilion barbeku dan banyak lagi.

Selain itu, pangsapuri berkenaan juga direka dengan sistem keselamatan yang canggih untuk meningkatkan keselesaan dan kualiti hidup secara keseluruhan bagi penduduknya.


Antara ciri-ciri keselamatan yang digunakan adalah seperti kawalan akses pengesanan wajah 5G dengan

pengawasan kamera litar tertutup (CCTV) 24 jam bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti, mencerminkan pendekatan moden gaya hidup pintar.

Pembeli rumah itu juga akan menikmati pengalaman hidup kontemporari, lengkap dengan kemudahan seperti penghawa dingin, almari dapur, WiFi di ruang am dan unit yang dilengkapi sepenuhnya dengan hiasan premium, menjanjikan gaya hidup inovatif.

Sementara itu, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM352 juta, pangsapuri itu terdiri daripada 468 unit di mana penduduk boleh menikmati pemandangan menarik berlatarkan langit Kuala Lumpur terutamanya pada sebelah malam.

Ia menawarkan kawasan unit yang dibina antara 570 sehingga 1,030 kaki persegi dengan lima pilihan reka bentuk merangkumi konfigurasi 2+1 bilik tidur, dua bilik tidur dan tiga bilik tidur dengan harga bermula dari RM631,000. Semua unit dijangka siap pada suku ketiga (Q3) tahun 2027.



RUMAH DEKAT, DUDUK KUARTERS

Kakitangan kerajaan usah nafikan hak orang lain dengan menyewakan
kediaman dibeli tetapi masih mendiami kuarters

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Berbanding pekerja swasta, kakitangan kerajaan sememangnya bertuah kerana berpeluang menikmati pelbagai kemudahan termasuk perumahan kuarters.

Kemudahan kuarters perumahan sememangnya dapat meringankan beban kewangan kakitangan kerajaan kerana kadar sewaan yang rendah

berbanding rumah sewa biasa.

Selain itu, lokasi kuarters yang terletak tidak jauh dari stesen (pejabat) juga dapat menjimatkan masa penjawat awam dari berulang alik jauh ke tempat kerja.

Semua itu antara faktor utama mengapa kuarters menjadi pilihan utama penjawat awam walaupun giliran untuk mendapatkannya tidak mudah.

Ada penjawat awam

yang sudah menunggu bertahun-tahun lamanya namun masih tidak berpeluang menikmati kemudahan berkenaan.

Namun, di sebalik ribuan yang masih sabar menunggu giliran, ada juga segelintir penjawat awam yang tetap enggan menyerahkan kembali kuarters mereka meskipun sudah memiliki rumah sendiri dalam jarak radius 25 kilometer (km).

Tindakan itu dilakukan kerana

bayaran sewa kuarters yang didiami sekarang jauh lebih murah manakala rumah yang dibeli pula boleh disewakan untuk mendapatkan pendapatan bagi membayar pinjaman bulanan.

Ja bertentangan dengan syarat umum kelayakan permohonan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri iaitu pemohon atau pasangan yang memiliki rumah sendiri

dalam jarak radius 25 km seperti Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) dan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) tidak layak mendapat kemudahan kuarters kerajaan.

Kakitangan kerajaan yang mahu dikenali sebagai Nora Mohamad, 38, berkata, memang diakui masih ramai kakitangan kerajaan yang tidak menyerahkan kembali kuarters mereka meskipun sudah

memiliki rumah sendiri yang terletak tidak jauh dari kuarters yang disewa.

Katanya, tindakan itu seharusnya boleh ditangani sekiranya data BPH dapat disambungkan dengan data pemohon yang menggunakan pinjaman Bahagian Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

"Daripada data LPPSA boleh dapati siapa kakitangan yang sudah membeli rumah, lokasi

HM
16/2
(1)

HARIAN METRO

16 FEB 2024

dan sebagainya manakala BPH boleh semak adakah individu berkenaan adalah salah seorang penyewa kuarters kerajaan.

"Jika rumah yang dibeli sudah boleh diduduki, mereka sepatutnya diberikan notis supaya menyerahkan kembali kuarters yang dihuni dalam tempoh yang ditetapkan."

"Dalam hal ini, BPH harus menguatkan lagi aspek penguatkuasaan dan perlu bertegas kerana ribuan lagi pemohon masih menunggu dan mereka juga berhak menikmati kemudahan berkenaan," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Nora lagi, kadar sewaan kuarters jauh lebih rendah daripada harga sewaan rumah biasa dan kakitangan gred bawahan seperti hanya perlu membayar sekitar RM425 sebulan sahaja untuk sebuah kediaman jenis pangapuri tiga bilik di Putrajaya.

Katanya, kadar sewaan kuarters bergantung kepada elaun Sara Hidup (COLA) dan dan Imbuan Tetap Perumahan (ITP) mengikut gred yang diterima seseorang penjawat awam dan bayaran sewa akan dipotong menerusi bayaran kiraan yang ditetapkan.

"Jika tidak melakukan kesalahan atau dipindahkan ke luar kawasan, penyewa boleh terus menyewa kuarters yang dihuni sehingga pencen."

"Mana nak dapat sebuah rumah dengan harga sebegini di Putrajaya kerana harga sewaan semasa sebuah rumah flat lama tanpa banyak kemudahan di sini pun sudah mencecah RM1,300 sebulan."

"Itu yang menyebabkan ramai yang tidak mahu melepaskan kuarters mereka walaupun sudah bertahun-tahun memiliki rumah sendiri," katanya.

Dalam pada itu, baru-baru ini tular di media sosial mengenai perkongsian seorang penjawat awam yang rela hati melepaskan kuarters kerajaan selepas berpindah ke rumah sendiri demi memberi peluang kepada orang lain yang sudah lama menunggu.

Kuarters atas nama isterinya itu dilepaskan kerana dia dan isterinya tidak mahu mengambil hak orang lain yang lebih layak.

Meskipun isterinya terpaksa menunggu sembilan tahun sebelum mendapat kuarters itu namun disebabkan mereka sudah membeli rumah sendiri dan bertukar tempat

kerja, kemudahan itu dilepaskan dengan hati terbuka.

"Agak tidak adil bagi penjawat awam bergaji rendah dan mempunyai keluarga besar yang masih menunggu giliran untuk menghuni kuarters."

"Mereka mungkin menyewa jauh luar ibu kota untuk nilai yang sama."

"Janganlah kita ambil hak orang lain, apabila sampai waktu takut hidup tak berkat," kata pengguna media sosial berkenaan.

Mengulas isu yang sama, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (menerusi Al Kafi Li al-Fatawi) menegaskan bahawa perbuatan tidak menyerahkan kuarters jika sudah memiliki rumah dalam 25 km radius daripada kuarters adalah salah.

Hal itu kerana, pihak terbabit sudah melanggar syarat kontrak yang dipersetujui bersama.

"Secara umumnya, terdapat perjanjian yang sudah dipersetujui bersama di antara penjawat awam dan pihak BPH yang perlu dipatuhi dan Islam sangat menitikberatkan penganutnya supaya berpegang pada janji."

"Hal ini kerana, pematuhan kepada setiap perjanjian yang dibuat membuktikan kejujuran



AL-KAFI #1806: HUKUM TIDAK MELEPASKAN KUARTERS KERAJAAN WALAUPUN SUDAH MEMILIKI RUMAH SENDIRI DALAM RADIUS 25KM



PEJABAT Mufti Wilayah Persekutuan (menerusi Al Kafi Li al-Fatawi) menegaskan bahawa perbuatan tidak menyerahkan kuarters jika sudah memiliki rumah dalam 25 km radius daripada kuarters adalah salah.

PEJABAT Mufti Wilayah Persekutuan (menerusi Al Kafi Li al-Fatawi) menegaskan bahawa perbuatan tidak menyerahkan kuarters jika sudah memiliki rumah dalam 25 km radius daripada kuarters adalah salah.

dan kepercayaan di dalam kehidupan manusia.

"Oleh itu, dinasihatkan supaya berlaku jujur dalam memenuhi setiap syarat yang dipersetujui supaya tidak menimbulkan masalah pada kemudian hari," katanya.

Sementara itu, usaha Harian Metro untuk mendapatkan komen Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berkaitan jumlah penjawat awam yang masih menunggu kuarters sehingga 31 Disember lalu tidak berjaya kerana

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat enggan mengulas.

Bagaimanapun, sehingga Mac 2019, seramai 23,000 penjawat awam terutama sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur direkodkan, masih menunggu giliran mendapatkan kuarters.

MELEPASKAN KUARTERS KERAJAAN... See more



Kartika Anri and 16 others · 1 like · comments · 2 shares

Like Comment Send Share

BARU-BARU ini tular di media sosial mengenai perkongsian seorang penjawat awam yang rela hati melepaskan kuarters kerajaan selepas berpindah ke rumah sendiri



Di sebalik ribuan yang masih sabar menunggu giliran, ada juga segelintir penjawat awam yang tetap enggan menyerahkan kembali kuarters yang mereka diami

Malaysia sedia perkasa teknologi AI dalam kerjaya masa depan

Kuala Lumpur: Hampir 70 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan RM225 bilion Malaysia adalah dalam ekonomi digital, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Dalam wawancara oleh rangkaian berita berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), CNN, baru-baru ini, beliau menjelaskan, Malaysia ada faktor berjaya memperkasakan kecerdasan buatan (AI) dan mem-

bawa keseluruhan ekosistem ke dalam negara.

"Kami ada kilang AI, itu yang kami gelar pada masa ini bukan pusat data, malah kami menerima lawatan daripada Nvidia Corporation, syarikat teknologi multinasional berpangkalan di AS, yang mengumumkan minat meneroka Malaysia dengan syarikat lain untuk menyokong kemajuan AI.

"Ini kerana AI membawa peningkatan produktiviti," katanya.

Tengku Zafrul berkata, terdapat kebimbangan secara umum mengenai kesan AI terhadap masyarakat, namun tidak dapat dinafikan AI membawa kualiti hidup lebih baik dengan membolehkan semua jenis profesion melakukan kerja mereka lebih cekap.

"Pekerjaan masa hadapan mungkin sangat berbeza memandangkan wujud kemajuan dalam teknologi, terutama AI generasi.

"Berasaskan AI, banyak fungsi kerja lain terbabit. Jadi, kita perlu beri kemahiran baharu dan kemahiran tambahan (kepada pekerja) supaya bersedia untuk pekerjaan baharu pada masa hadapan," katanya.

Disember lalu, Nvidia menyatakan kesediaan menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi antara 20 negara teratas dalam teknologi AI dan bersejua membantu membangunkan ekosistem AI ne-

gara dari segi membina pusat kecemerlangan bagi memudahkan pembelajaran dan penyelidikan AI, termasuk membina sistem pengkomputeran awan AI Malaysia sendiri.

Mengenai cadangan beberapa bentuk kenaikan gaji minimum menyeluruh di semua negara Asean, Tengku Zafrul menekankan pentingnya memastikan gaji meningkat.

"Jika anda melihat asas ekonomi Malaysia, inflasi kami berada pada tahap

boleh urus. Kadar inflasi pada 2023 adalah 2.5 peratus dan pengangguran terus rendah pada 3.3 peratus.

"Berdasarkan asas ini, kita mesti memastikan apa-apa kenaikan gaji berkait peningkatan produktiviti dan sebab itu saya menekankan pelaburan dalam ekonomi hijau dan ekonomi digital kerana ia meningkatkan kompleksiti ekonomi sesebuah negara dan industrinya," katanya. -Bernama

HARIAN METRO

Tarikh: 16 FEB 2024

Towed car sparks questions about city development

MY car was towed by the Shah Alam City Council (MBSA) a few days ago. I had parked on the grass verge under a tree in an isolated area where traffic was not heavy, and I did not block anyone. I duly paid the fine (RM150) and got my car back.

Later, I saw 10 cars parked along the curve of a road some 200m away from where I had parked mine. These cars would have disrupted the flow of traffic because of the shape of the road, but they were not towed away. I wondered why. What are MBSA's criteria for towing cars?

Furthermore, when my car was towed, I was not informed about it. I only found out because I had a tracker installed in it. If I had not had the tracker, how would I have known that my car had been towed to the MBSA depot at Section 17, Shah Alam?

When I was at the depot retrieving my car, I saw an elderly gentleman venting his anger at his old car being towed. He said he went around the block three times to look for parking near the building where he needed to get some official matters settled. Failing to find space, he parked by

the roadside and rushed to run his errands. However, the business took much longer than he estimated and when he came out, the car was gone.

That got me thinking. Why can't MBSA provide ample parking space? Had this man found a proper parking space, he would not have parked by the roadside. Does MBSA expect him to come back another day if he couldn't get parked?

Looking at his old car, I assumed this gentleman was of limited means and RM150 must mean a lot to him.

No doubt the number of parking spaces in Shah was decided about 30 or 40 years ago during the area's planning stage. But Shah Alam has changed so much since then, so can't MBSA move with the times and do more to improve its services, including provision of ample parking space, for the city folk?

If it cannot provide adequate parking space, it should change its parking rules and also practise common sense about towing.

TOWED CAR
Shah Alam

THE STAR

Trikh: 16 FEB 2024

CNY CELEBRATIONS

>Selangor government Chinese New Year celebration will be held at IOI City Mall, Putrajaya, on Feb 24 from 10am until 6pm. There will be a workshops and activities at the lower ground east corner up to 10pm and performances at Symphony East from 4pm to 6pm.

>Melaka government will host its Chinese New Year open house at Jonker Street on Feb 22, from 7pm to midnight.

FREE COURSES BY MBSA

Shah Alam City Council (MBSA) is offering free courses to the public. There will be a basic Canva course on Feb 24 at Unisel Shah Alam at 9am and a basic course on TikTok marketing on March 2 at MBSA Convention Centre at 9am. Seats are limited. For details and to register, call 013-380 0947 (Farah Izzani).

THE STAR

16 FEB 2024

tarikh:.....

DBKL COUNTER CLOSED

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) drive-through counter at Menara DBKL 1 will be closed until April 14 for maintenance. Payment can be made at the counter on the ground floor, from 7.30am until 5pm (Monday to Friday) and 8am until 1pm (Saturday, Sunday and public holiday) until Feb 29. Payment counters will be closed on Saturday, Sunday and public holidays throughout March and April.

THE STAR**16 FEB 2024**

Tarikh:.....

By DHARSHIKA KARUNA NITHI
metro@thestar.com.my

